

Keletihan punca kekalahan Sinar Harian FC - Fatimah

SH 12/04/08 pg. T22.

Menyedari kekurangan pasukan lawan itu, UMT yang membariskan pemain muda bijak menggunakan kesempatan tersebut mula meletakkan pasukan mereka di hadapan pada minit ke-5 permainan.

■ BHARUDDIN SULONG

KUALA TERENGGANU – Selepas beraksi cemerlang minggu lepas, Sinar Harian FC kembali mengalami episod kekalahan mereka apabila tewas tipis 5-6 kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam perlawanan persahabatan di Sports Planet, Gong Badak, semalam.

Sinar Harian FC yang turun tanpa dua tonggak utamanya, Syed Mu'az Syed Putra dan Bharuddin A Rashid yang masih belum pulih sepenuhnya daripada kecederaan hamstring memulakan permainan mereka dengan agak perlahan apabila sekadar mengatur beberapa gerakan lemah ke atas kubu lawan.

Menyedari kekurangan pasukan lawan itu, UMT yang



Pasukan Sinar Harian FC dan UMT bergambar kenangan selepas perlawanan persahabatan di Sports Planet, Gong Badak semalam.

membariskan pemain muda bijak menggunakan kesempatan tersebut mula meletakkan pasukan mereka di hadapan pada minit ke-5 permainan.

Tersentak dengan jaringan awal, Sinar Harian FC bangkit menggandakan asakan mereka bagi memburu gol penyamanan dan usaha itu ternyata tidak sia-sia apabila Mohd Idham Khalid Abu Hassan berjaya menyempurnakan jaringan berkena-

an, tiga minit kemudian.

Sinar Harian FC juga harus memberi pujian kepada penjaga gawangnya, Mohd Hafiz Mohd Ali yang menyelamatkan beberapa percubaan berbahaya jentera serangan UMT yang tampil dengan persembahan yang begitu mantap kali ini.

Tempo perlawanan selepas itu semakin rancak apabila kedua-dua pasukan saling berusaha menambah jaringan mereka se-

belum Sinar Harian FC terpaksa akur dengan kehebatan UMT yang berjaya mengikat kedudukan perlawanan dengan kelebihan satu jaringan.

Sementara itu, pengurus Sinar Harian FC, Fatimah Ab Rahman berkata, faktor keletihan menjadi punca mengapa anak buahnya gagal beraksi seperti kebiasaan dalam pertemuan ini.

“Semua anak buah saya baru

pulang dari kerja pada jam 7 malam, sementara perlawanan ini bermula satu jam kemudian dan keadaan ini memaksa mereka beraksi dalam keadaan keletihan.

“Hal ini diburukkan lagi dengan ketiadaan dua pemain kanan yang masih ditimpa kecederaan dan kami tidak mempunyai ‘target player’ yang mampu mengempur gawang lawan dengan baik,” katanya.